



## **BAB 1 PENDAHULUAN**

**PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT**



1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan Deraf Akhir merupakan kajian peringkat keempat bagi penyediaan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut. Laporan ini merupakan Laporan Deraf Akhir yang merangkumi keseluruhan laporan iaitu Laporan Awal, Laporan Teknikal dan Laporan Konsep. Penyediaan laporan ini akan menjadi asas kepada penyediaan Laporan Akhir bagi Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut.

Di dalam Laporan Deraf Akhir, bab pendahuluan menerangkan wawasan Majlis Daerah Jerantut, objektif Majlis Daerah Jerantut, matlamat kajian, objektif kajian dan skop kajian serta metodologi kajian turut diambil kira dalam laporan ini. Di samping itu, aspek pelaksanaan dasar-dasar pembangunan, senario semasa kawasan kajian, konsep pembangunan dan cadangan pembangunan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut turut diberi perhatian dalam merealisasikan pembangunan di Daerah Jerantut.

Terdapat juga, cadangan kawasan pelan tindakan pembangunan landskap di lima (5) kawasan tindakan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan. Bagi membantu pihak majlis, anggaran kos dan peringkat pelaksanaan kawasan cadangan turut dinyatakan.

Seterusnya, laporan ini menjelaskan pengurusan dan penyelenggaraan landskap, dasar umum serta garis panduan rekabentuk landskap serta strategi pelaksanaan landskap serta kesimpulan keseluruhan turut diuraikan secara jelas.

1.2 WAWASAN MAJLIS DAERAH JERANTUT

Wawasan pembangunan Daerah Jerantut ialah:

**“MENJADIKAN DAERAH JERANTUT SEBAGAI DAERAH YANG MAJU DAN SEJAHTERA MELALUI PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BERTERASKAN PERTANIAN, PELANCONGAN DAN PEMBANGUNAN MAMPAN”.**


1.3 OBJEKTIF MAJLIS DAERAH JERANTUT

Berdasarkan Wawasan, Matlamat dan Objektif Pembangunan, beberapa objektif bagi pembangunan Daerah Jerantut digariskan seperti berikut:

- i. Mewujudkan keseimbangan pembangunan di antara keperluan pembangunan ekonomi, pengekalan khazanah alam sekitar dan pemeliharaan alam sekitar.
- ii. Meningkatkan kualiti kehidupan melalui penyediaan kemudahan masyarakat.
- iii. Meningkatkan perhubungan daerah melalui perancangan jalan raya dan pengurusan yang lebih efisien.
- iv. Meningkatkan kualiti persekitaran melalui penyediaan infrastruktur dan utiliti yang efisien.
- v. Mempertingkatkan fungsi Daerah Jerantut sebagai Pusat Pelancongan Antarabangsa menjelang tahun 2020.
- vi. Meningkatkan tahap aksesibiliti dan kemudahsampaian melalui penyediaan sistem perhubungan dan pengangkutan awam yang komprehensif dan lebih efisien.
- vii. Memajukan aktiviti asas tani sebagai penyokong kepada pertumbuhan ekonomi.
- viii. Memastikan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) tidak terjejas oleh pembangunan.
- ix. Merancang pembangunan daerah ke arah pembangunan mampan.

1.3.1 Teras-terras pembangunan Daerah dan sektor kajian. Dalam menterjemahkan objektif pembangunan Majlis Daerah Jerantut, Tujuh (7) Teras Pembangunan telah disediakan :





**Rajah 1.1 : Fokus dan Strategi Utama Teras Pembangunan Majlis Daerah Jerantut**  
Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Jerantut 2020

#### 1.4 MATLAMAT PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman Terindah pada tahun 2020, Jabatan Landskap Negara (JLN) melalui kerjasama Majlis Daerah Jerantut (MDJ) telah dan sedang mengambil langkah untuk menyediakan satu Pelan Induk Landskap (PIL) yang komprehensif, menyeluruh dan praktikal untuk diguna pakai sebagai rujukan dalam merancang, melaksana, menyelenggara dan mengawal pembangunan projek-projek landskap yang teratur dan baik. Matlamat Pelan Induk Landskap bagi Majlis Daerah Jerantut adalah:

**“Merealisasikan Majlis Daerah Jerantut sebagai sebuah daerah yang indah dan mempunyai identiti landskap yang tersendiri melalui pembangunan rekabentuk serta pengurusan landskap yang dinamik demi persekitaran yang berkualiti untuk kehidupan yang sejahtera ”.**

#### 1.5 OBJEKTIF PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT

- Menyediakan satu dokumen bagi tujuan menguatkuasa kawalan landskap dari aspek pembangunan, perancangan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan pengurusan landskap.
- Mengenal pasti kesesuaian rekabentuk landskap yang mengambil kira perancangan dan pembangunan dalam kawasan Majlis Daerah Jerantut bagi jangka masa 10 tahun (2012-2021).
- Membantu Majlis Daerah Jerantut dalam merangka dan melaksana program pembangunan landskap yang komprehensif dan terancang.
- Menampilkan atau membangunkan imej dan karektor bagi setiap bandar dan pekan-pekan kecil melalui rekabentuk landskap yang tersendiri (*landscape character*), menarik dan bertepatan dengan matlamat pembangunan Daerah Jerantut sebagai sebuah daerah terpelihara.
- Menyediakan pembangunan landskap mampan yang mengutamakan keseimbangan fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran dengan mengambil kira pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran semulajadi.

#### 1.6 KEPERLUAN KAJIAN PELAN INDUK LANDSKAP

Kajian landskap bermula dengan inventori kawasan kajian keadaan yang membangun dan perlu disimpan dalam pengkalan data untuk dianalisis dalam sesuatu penyelesaian pembangunan yang bijak. Ianya amat penting sebagai makluman kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pembuat dasar berkaitan kemampuan landskap dalam menampung pembangunan yang terbaik dan mampan.



Foto 1.1 : Gambaran salah satu kawasan tindakan bagi cadangan pembangunan landskap di Kawasan Rekreasi Lembah Kiol

Sumber : Kajian Lapangan

Kandungan Pelan Induk Landskap adalah untuk memastikan mutu lingkungan hidup sentiasa dalam keadaan yang baik dan mampan untuk manusia sejagat. Oleh itu, pembentukan wawasan pembangunan landskap (*landscape development vision*) adalah perlu ditentukan dan diperkukuhkan sebagai tanggung di dalam setiap pembangunan yang dilakukan.

Wawasan pembangunan landskap perlu ditekankan melalui perancangan yang komprehensif dan rekabentuk yang spesifik untuk menonjolkan karektor landskap dan keistimewaan sesuatu tempat. Pelan Induk Landskap merupakan sebuah dokumen yang akan mengenal pasti isu, potensi serta menyelesaikan permasalahan dengan mengemukakan tiga kaedah utama iaitu perancangan fizikal, garis panduan rekabentuk serta dasar dan polisi, di samping itu ia juga mengemukakan pelan tindakan yang terperinci berkenaan pembangunan dan peranan dari agensi-agensinya pelaksana. Pelan Induk Landskap turut diselaraskan dengan pembangunan-pembangunan yang dikemukakan oleh Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri Pahang dan Rancangan Tempatan Daerah.

## 1.7 SKOP KAJIAN

### 1.7.1 Mengetahui Pasti Status Pentadbiran, Perancangan dan Pembangunan

Mengenal pasti serta mengkaji persempadanan pentadbiran, kawasan kawalan dan operasi kawasan kajian serta organisasi pentadbiran. Kajian juga perlu melihat status pembangunan, persekitaran kehidupan secara umum, aktiviti ekonomi dan aspirasi serta kehendak umum dan organisasi semasa.

### 1.7.2 Mengetahui Pasti Ciri-ciri Fizikal

Ciri-ciri fizikal di kawasan kajian mewujudkan elemen-elemen tertentu. Proses dan interaksi elemen-elemen tersebut sama ada secara individu atau integrasinya akan mewujudkan proses dan komponen yang signifikan yang mempengaruhi corak dan ciri-ciri sesuatu kawasan sama ada ciri-ciri fizikal, budaya mahupun aktiviti ekonomi. Kajian hendaklah meliputi semua ciri-ciri fizikal di sesuatu kawasan tanpa pengecualian.

Penilaian ciri-ciri fizikal perlulah mengambil kira keadaan sedia ada dan mengenal pasti potensi, halangan, cabaran, ancaman dan pertaliannya terhadap pembangunan atau pembangunan landskap bagi kawasan kajian. Ciri-ciri fizikal, alam persekitaran serta sumber-sumber asli banyak mempengaruhi bentuk-bentuk landskap yang akan dilahirkan bagi perancangan landskap sesebuah kawasan di dalam pentadbiran Majlis Daerah Jerantut (MDJ).

Mengambil kira keadaan sedia ada dan mengenal pasti potensi serta struktur bagi pembangunan landskap di kawasan kajian yang perlu dikaji dari aspek kesannya ke atas kawasan yang dicadangkan.

*Input* dan *output* dalam konteks alam sekitar dan kesan-kesan pencemaran terhadap cuaca dan peredaran angin, topografi, geologi, ciri-ciri hidrologi (saliran, sungai, empangan, tasik dan badan air) tumbuhan semulajadi atau yang diusahakan, nilai pemandangan (*scenic value*), guna tanah, pembangunan fizikal dan ciri-ciri hortikultur juga turut dikenal pasti.

### 1.7.3 Mengenal Pasti Status Perancangan Sektor Pembangunan Kawasan Kajian

Mengenal pasti perancangan semua sektor pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan di sesuatu kawasan dari segi konsep, tujuan dan sumbangannya kepada keseluruhan pembangunan kawasan. Kajian juga perlu melihat keperluannya terhadap sumber semulajadi dan impaknya kepada persekitaran.

### 1.7.4 Mengenal Pasti Sumber Jaya Landskap

Mengenal pasti dan menyediakan inventori yang menunjukkan semua sumber jaya landskap yang ada di kawasan kajian seperti kawasan lapang, kawasan berkualiti visual yang tinggi, tumbuhan dan populasi tumbuhan, sumber air, rekreasi semulajadi, jaringan hijau, kawasan *agriculture landscape*, *cultural landscape* dan lain-lain sumber jaya landskap yang bernilai tinggi. Kajian perlu menjelaskan perkara-perkara berikut:

- i. Kedudukan sumber.
- ii. Kuantiti seperti keluasan dan lain-lain.
- iii. Taburan dan hierarki.
- iv. Piawaian sedia ada.
- v. Sasaran dan unjuran yang ditetapkan dalam rancangan pembangunan sedia ada dan akan datang.
- vi. Potensi dan ancaman.

### 1.7.5 Mengenal Pasti dan Mengkaji Ciri-ciri Pembangunan Landskap

Ciri-ciri pembangunan landskap yang terdapat di kawasan kajian yang perlu dikaji adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Ciri-ciri landskap kejur dan landskap lembut termasuk elemen air.
- ii. Jenis-jenis tanaman utama dan tanaman hiasan.
- iii. Penggunaan bahan bagi landskap kejur.
- iv. Kegunaan perabot landskap dan lain-lain yang berkaitan.

### 1.7.6 Mengenal Pasti Sosiobudaya

Rekabentuk yang dihasilkan untuk kawasan kajian seharusnya sesuai dengan faktor-faktor sosiobudaya penduduk dan kawasan kajian. Faktor-faktor yang di maksudkan adalah seperti :

- i. Kaum.
- ii. Jenis pekerjaan dan pendapatan.
- iii. Kategori umur.
- iv. Sejarah, tradisi budaya dan kepercayaan khusus dan lain-lain yang berkaitan.

### 1.7.7 Mengenal Pasti dan Menilai karektor landskap Kawasan Kajian

Kajian ini perlu mengenal pasti ciri-ciri yang memberi *sense of place of the locality* yang membezakan sesuatu kawasan kajian tersebut dari kawasan-kawasan sekitar.

Penilaian dan pentaksiran karektor tersebut membolehkan kita menentukan tindakan-tindakan yang boleh merubah atau mengekalkan ciri-ciri landskap setempat. Karektor landskap tersebut dipengaruhi oleh pelbagai elemen, komponen dan sumber jaya landskap sedia ada seperti taman-taman awam, kawasan-kawasan landskap utama seperti pintu masuk utama, jalan protokol pusat bandar, rekabentuk bangunan, sumber air, tanaman dan lain-lain.

Penilaian terhadap Karektor landskap tersebut hendaklah bertujuan untuk menyediakan perlindungan persekitaran yang berkesan dan penggunaan sumber jaya asli yang berhemat. Ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan berikut, antaranya adalah:

- i. Mengenal pasti elemen alam sekitar dan budaya di kawasan kajian.
- ii. Memantau perubahan persekitaran.
- iii. Memahami sensitiviti kawasan kajian terhadap pembangunan dan perubahan sekitar.

iv. Menetapkan keadaan bagi mana-mana pembangunan dan perubahan yang berlaku.

ii. Menyediakan unjuran dan cadangan-cadangan strategi untuk pembangunan landskap.

#### 1.7.8 Mengenal Pasti dan Mengesyorkan Kaedah Pengurusan

Kajian hendaklah dibuat terhadap status pengurusan landskap semasa, kelemahan dan kelebihannya. Kaedah pengurusan yang perlu dilaksanakan hendaklah diunjurkan untuk dilaksanakan bagi mencapai konsep pembangunan landskap yang dicadangkan. Dari segi pengurusan landskap yang perlu dikaji adalah:


- i. Struktur organisasi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pembangunan landskap.
- ii. Program pengurusan landskap seperti penyelenggaraan, pemuliharaan dan lain-lain.
- iii. Komponen-komponen pengurusan.
- iv. Penyelenggaraan landskap.
- v. Anggaran belanjawan pengurusan.

#### 1.7.9 Kawalan dan Penguatkuasaan Landskap

Mengkaji keperluan, peraturan dan perundangan sekiranya ada dan mengesyorkan kaedah pelaksanaan yang seharusnya diguna pakai bagi mengawal pembangunan, pemeliharaan dan pengurusan landskap. Kajian hendaklah melihat kepada semua dasar kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan khususnya dasar-dasar pembangunan di peringkat nasional terutama pembangunan mampan yang menekankan pemeliharaan alam sekitar. Dokumen-dokumen kerajaan berkaitan landskap adalah termasuk *Landscaping The Nation* dan Garis Panduan Landskap Negara perlu merujuk dan diselaraskan dengan pelan struktur dan pelan tempatan serta lain-lain laporan berkaitan:

- i. Cadangan-cadangan pembangunan sedia ada dalam kawasan kajian, akta, garis panduan, peraturan, peruntukan kawasan landskap dan lain-lain yang berkaitan.

1.8 METODOLOGI KAJIAN



Rajah 1.2: Peringkat Metodologi Kajian



1.9 ASPEK KAJIAN

Penekanan aspek kajian landskap yang bakal diketengahkan adalah seperti berikut:

CADANGAN PELAN INDUK LANDSKAP JERANTUT							
Analisa Keadaan Semasa	Penemuan Potensi dan Masalah (Sintesis)	Cadangan Konsep dan Strategi Pembangunan	Cadangan Projek-projek Landskap Bagi Keseluruhan Jerantut	Kawasan Tindakan Pembangunan	Cadangan Garis Panduan	Cadangan Pelaksanaan dan Pengurusan	Perundangan
Pelan-pelan keadaan semasa dan gambaran semasa Daerah Jerantut di bawah Pentadbiran Majlis Daerah Jerantut (MDJ)	Pelan-pelan potensi dan masalah mengikut keadaan semasa kawasan Daerah Jerantut di bawah Pentadbiran Majlis Daerah Jerantut (MDJ)	Pelan-pelan strategi dan konsep pembangunan landskap dalam menentukan hala tuju pembangunan landskap Daerah Jerantut di bawah Pentadbiran Majlis Daerah Jerantut (MDJ)	Cadangan tersebut melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Landskap Bandar dan Pekan Kecil</li> <li>• Landskap Kawasan Persempadanan</li> <li>• Landskap Jalan Utama</li> <li>• Landskap Pusat Pengangkutan Awam</li> <li>• Landskap Kawasan Lapang dan Rekreasi</li> <li>• Landskap Kawasan Pelancongan</li> <li>• Landskap Kawasan Industri</li> <li>• Landskap Kawasan Institusi</li> <li>• Landskap Kawasan Perumahan</li> <li>• Landskap Kawasan Kampung Tradisional</li> <li>• Landskap Kawasan Semulajadi</li> </ul>	Cadangan kawasan tindakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaik taraf kawasan Bandar Jerantut.</li> <li>• Rekabentuk landskap komprehensif Pintu Masuk Kawasan Pelancongan Utama iaitu di sekitar laluan ke Jeti Kuala Tembeling dan Jeti Kuala Tahan</li> <li>• Menaiktaraf keadaan landskap di Makam Mat Kilau dan Madrasah Islahiah, Pulau Tawar.</li> <li>• Rekabentuk landskap Pintu Masuk Sempadan Daerah Jerantut.</li> <li>• Menaiktaraf kawasan Rekreasi Sungai Kiol dan Taman Tasik Teratai</li> </ul>	Cadangan garis panduan melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis Panduan Landskap Kawasan Bandar dan Pekan Kecil</li> <li>• Garis panduan Landskap Persisir Sungai</li> <li>• Garis Panduan Landskap Jalan Protokol dan Jalan Utama</li> <li>• Garis Panduan Landskap Kawasan Lapang dan Rekreasi</li> <li>• Garis Panduan Landskap Perumahan</li> <li>• Garis Panduan Landskap Industri</li> <li>• Garis Panduan Landskap Institusi</li> <li>• Garis Panduan Landskap Kampung Tradisi</li> <li>• Garis Panduan Landskap Kawasan Semulajadi</li> <li>• Garis Panduan Pokok Rasmi Majlis Daerah Jerantut</li> <li>• Garis Panduan Penggunaan Perabot Jalan dalam Landskap</li> <li>• Garis Panduan Pencahayaan dalam Landskap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengukuhkan organisasi Majlis Daerah Jerantut</li> <li>• Mencadangkan pertambahan bilangan tenaga mahir dalam bidang landskap bagi melancarkan organisasi Jabatan Landskap Majlis Daerah Jerantut</li> <li>• Menambah bilangan peralatan dan jentera bagi memudahkan peringkat penyelenggaraan</li> <li>• Menganggarkan kos keseluruhan projek pembangunan landskap</li> </ul>	Akta-akta yang berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)</li> <li>• Garis Panduan Landskap Negara</li> <li>• Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kawasan Lapang</li> <li>• Dan lain-lain yang berkaitan</li> </ul>

## **1.10 RUMUSAN**

Bab ini menerangkan secara ringkas berkaitan wawasan dan objektif oleh pihak majlis serta cadangan matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan metodologi kajian bagi melengkapkan kajian ini. Bab ini juga turut menghuraikan peringkat pelaksanaan laporan yang bermula dari Laporan Awal, Laporan Teknikal, Laporan Konsep dan berakhir dengan Laporan Akhir. Cadangan pelaksanaan pembangunan landskap di Daerah Jerantut turut dihuraikan di dalam laporan ini.